



Sebahagian rokok yang dirampas di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang pada Isnin lalu.

(Foto ihsan JKDM)

Cubaan seludup rokok RM2.14 juta tumpas

Siasatan dapati tiada dokumen perkapalan buktikan kontena didararkan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Pelabuhan Klang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan cubaan penyeludupan rokok rentas sempadan bernilai RM2.14 juta membabitkan 30.6 juta batang rokok.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadhir, berkata cubaan berkenaan berjaya dipatahkan selepas periksaan dilakukan oleh Unit Siasatan Frod Perdagangan (USFP) dengan kerjasama Ca-wangan Narkotik JKDM terha-

dap enam kontena di Pelabuhan Utara, dekat sini pada Isnin lalu.

"Semua kontena ini tiba di Pelabuhan Utara, pada 5 Disember lalu dan hasil pemeriksaan dijalankan ke atas enam kontena itu, mendapati terdapat rokok putih berjenama dimuatkan di dalam kontena berkenaan.

"Siasatan awal mendapati tiada borang manifes sama ada untuk import mahupun pindah kapal (transhipment) diserahkan oleh nakhoda kapal atau ejen perkapalan bagi ketibaan dagangan ini seperti yang dikehendaki mengikut Seksyen 52 Akta Kastam 1967," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, siasatan juga mendapati tiada dokumen perkapalan yang dapat menunjukkan kontena itu didararkan untuk tujuan pindah kapal.

"Jumlah keseluruhan rokok yang ditahan dianggarkan berjumlah 30.6 juta batang yang

bernilai kira-kira RM2.14 juta dengan jumlah duti dan cukai sebanyak RM20.4 juta," katanya.

Abdul Latif berkata, pihaknya giat menjalankan siasatan ke atas syarikat ejen perkapalan dan dalang di sebalik sindiket ini juga sedang dikesan.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 52(1) dan Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 serta Seksyen 74(1)(a) Akta Eksais 1976.

Dalam pada itu, beliau meminta orang ramai membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti itu.

Jelasnya, penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ia turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.